

Teruskan kolaborasi dalam perkhidmatan awam

Sepanjang pelaksanaan darurat di negara ini, jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan negeri tidak terganggu. Malah, bagi majoriti penjawat awam, Proklamasari Darurat 2021 memberikan pengalaman bekerja baharu, selain cara kerja norma baharu sedang dilalui.

Hakikatnya, perkhidmatan awam sentiasa proaktif dalam segala usaha perlu diambil bagi menangani COVID-19. Setiap ikhtiar dan tindakan murni petugas barisan hadapan sudah menjadi pengetahuan umum.

Bagi melancarkan tugas ketika tempoh Proklamasari Darurat 2021 ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merancang dan melaksanakan program penempatan penugasan semula secara sementara bagi keseluruhan Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Penugasan ini membatitkan penempatan ke agensi perkhidmatan perlu seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM).



Saiful
Ezane
Mazlan

Sebahagian tenaga kerja perkhidmatan awam akan ditugaskan untuk membantu beberapa perancangan dan pelaksanaan kritis serta perlu sepanjang tempoh Proklamasari Darurat 2021.

Contohnya, perancangan proses imunisasi di seluruh negara, pengurusan darurat, krisis dan keselamatan pandemik, pemerkasaan komuniti serta pemantauan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

Uniknya, segala urusan pentadbiran seperti perjawatan dan peruntukan kerwangan menggunakan kemudahan se-ada agensi asal masing-masing. Ini dapat meringankan beban kerwangan agensi perkhidmatan.

Realitinya, norma baharu banyak membuka ruang eksplorasi pelbagai perkara yang belum pernah diterokai seperti pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR), bekerja dari rumah dan peningkatan perkhidmatan dalam talian bagi kebanyakan perkhidmatan kerajaan. Pemikiran kreatif dan inovatif masyarakat terbit ketika waktu mendesak. Malah, ia menjadi pemungkin usaha peningkatan dalam perkhidmatan awam.

Boleh dilihat sejumlah proses dan prosedur seharian perkhidmatan awam

dimigrasikan kepada penggunaan teknologi seperti mesyuarat, kursus dan urusan dokumentasi dalam talian.

Dalam hal ini, ada konsep baharu boleh terus diaplikasikan khidmat awam daripada Proklamasari Darurat 2021.

'Norma biasa' yang menyaksikan setiap jabatan bersikap agak *territorial* dalam skop tugas dan tanggungjawab, disusuri semula melalui program penempatan penugasan secara sementara bagi keseluruhan Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Konsepnya dengan mengamalkan kaedah menguruskan kepentingan mendesak dan keperluan berbeza dalam mengatasi sumber terhad. Penempatan sementara ini menunjukkan kepentingan kerjasama secara bersepadu, strategik dan tersusun antara jabatan serta agensi perkhidmatan awam dapat menghasilkan output optimum.

Walaupun secara teorinya ia hanya dapat dilaksanakan efektif melalui pencapaian kuasa darurat, konsep ini wajar dan boleh diterokai dalam pengurusan perkhidmatan awam akan datang.

Malah, sudah ada diamalkan dalam perkhidmatan awam. Cuma, konsep ini perlu diperluaskan seperti perkongsian

guru subjek tertentu bagi sebilangan sekolah dalam lokality atau stesen sama.

Walaupun tidak menyelesaikan permasalahan kekurangan guru dalam beberapa mata pelajaran kritis sepenuhnya, usaha ke arah merapatkan jurang itu wujud dan menunjukkan hasil.

Konsep ini boleh dinamakan Kolaboratif Kreatif Perkhidmatan Awam. Ia juga boleh diterjemahkan melalui 'über-nisasi' kenderaan jabatan. Jika selama ini kenderaan jabatan terhad kegunaan jabatan masing-masing sahaja, selepas ini beberapa peratus kenderaan jabatan boleh dikumpulkan dan dijadikan dalam bentuk aplikasi Grab khusus untuk penjawat awam bagi kegunaan rasmi.

Pokoknya, usaha kolaboratif kreatif boleh diterjemahkan kepada pelbagai aspek dalam perkhidmatan awam hasil Proklamasari Darurat 2021. Menjadi satu kerugian jika tidak dimanifestasikan secara berkekalan dalam sistem pentadbiran kerajaan.

Penulis adalah Perunding Latihan Kanan, Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)